

NGO desak Azmin selesai isu premium tanah

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata) kecewa dengan Kerajaan Selangor ekoran mempolitikkan isu kepentingan rakyat berhubung keperluan kemudahan balai bomba di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh.

Setiausaha Agung Perkata, Adzly Ab. Manas berkata, kekecewaan tersebut ekoran bencana kebakaran yang berlaku serentak di kawasan itu pada Selasa lalu.

"Kami merasakan tindakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meletakkan harga premium tanah terlalu tinggi iaitu mengikut harga pasaran semasa tapak tanah bomba itu yang bayaran premiumnya dituntut mencapai lebih RM1.2 juta adalah tidak adil kepada rakyat.

"Apa yang berlaku ketika kebakaran serentak di dua tempat sama iaitu di kilang NSK kawasan perindustrian Sungai Buloh dan tujuh buah kedai di Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh dapat dielakkan jika pihak bomba de-



ADZLY MANAS



KEBAKARAN kilang NSK di kawasan perindustrian Sungai Buloh, Selangor baru-baru ini.

ngan aset jentera yang mencukupi dapat tiba segera di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurut Adzly, pihaknya mendesak Azmin mengurangkan dan menyelesaikan isu pre-

mium tanah bomba di kawasan terbabit dengan segera.

"Isu premium tanah adalah kuasa kerajaan negeri seperti termaktub dalam Kanun Tanah Negara dan 'Selangor Land Rules'," katanya.